

## Sains Islam dan Hukum Alam: Satu Perbahasan

Sufaat Samuri, Mohd Faiz A. Aziz, & Kamarul Azmi Jasmi

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia qamar@utm.my

### Suggested Citation:

Samuri, Sufaat; A. Aziz, Mohd Faiz; Jasmi, Kamarul Azmi (2018). Sains Islam dan Hukum Alam: Satu Perbahasan in *Prosiding Seminar Tamadun Islam 2018* pada 17hb. Ogos 2018 di Bilik Kuliah 6, Blok N28, UTM. Program anjuran Akademi Tamadun Islam, UTM, p. 43-58. ISBN: 978-967-2171-28-7.

### Abstract

Zaman yang serba moden dan canggih tika ini, ilmu pengetahuan dan teknologi bergerak seiring dan mengalami perubahan yang sangat drastik. Manakala ilmu agama semakin dipinggirkan seolah-olah tiada kepentingan lagi. Hal ini terjadi disebabkan wujud percanggahan antara ilmu pengetahuan dan agama yang tidak diselesaikan dengan segera. Eksiklopedia dan filsafat Islam jelas menunjukkan bahawa Allah SWT mengutus Nabi Muhammad SAW untuk mengajak manusia menganuti agama Islam, berdakwah dan menyebarkannya ke seluruh dunia. Islam mengajar manusia mengenai undang-undang kehidupan dengan cara yang mudah difahami. Ciri yang membezakan Islam dengan agama yang lain adalah penekanan Islam terhadap ilmu (sains), cara hidup, hukum alam dan lain-lain. Al-Quran dan sunah mengajar manusia untuk mencari dan mendapatkan ilmu dan kearifan dalam pelbagai bidang, serta menempatkan orang yang berpengetahuan pada darjat yang tinggi. Jadi jelas menunjukkan bahawa ilmu itu sangat penting dan apa yang disampaikan melalui ayat al-Quran dan hadis tentang ilmu ini bersifat umum sama ada ilmu yang dicari bermanfaat atau sebaliknya. Ilmu yang bermanfaat adalah ilmu yang mendekatkan manusia dengan pencipta dalam bentuk pengabdian manusia kepada-Nya. **Kata kunci:** Sains Islam, hukum alam, tabie

### References

- Al-Bayhaqi, Ahmad. (2003a). *Al-Sunan al-Kubra* (Muhammad 'Abd al-Qadir 'Ata Ed.). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Bayhaqi, Ahmad. (2003b). *Shah al-Iman* ('Abd al-'Ali 'Abd al-Hamid Hamid Ed. Vol. 1-14). Riyad: Maktabah al-Rushd li al-Nashr wa al-Tauzi'.
- Al-Bazzar, Ahmad. (2009). *Musnad al-Bazzar* (Mahfuz al-Rahman Zain Allah, Sa'ad, 'Adil, & Sabri al-Shafi' 'Abd al-Khaliq Ed. Vol. 1-18). Al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam.
- Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad. (2001). *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari* (Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir Ed. Vol. 1-9). Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Basiran, Nur Amirah, Mohd Saberi, Nur Syazana, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012, 21 April 2012). *Ajaran dan Kepercayaan Agama Islam*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Tamadun 2012, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Danusiri, Danusiri. (2015). Islam: Membentuk Sains dan Teknologi. *Jurnal Theologia*, 26(1), 31.
- Dictionary, Oxford*. (1998). *Oxford Dictionary*. London: Oxford University Press.
- Din, Haron (2001). *Manusia dan Islam* (Vol. Jilid Dua). Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gibb, H.A.R. (1932). *Whither Islam? A Survey of Modern Movement in the Moslem World*. London: Victor Gollanz Ltd.
- Harian, Sinar*. (2014, 21 Mac 2014). Kifarah daripada Allah, Suratkhbar. *Sinar Harian*.
- JAKIM. (2016). Koleksi Hadis-Tuntutlah Ilmu. Retrieved 19 Julai 2018, from JAKIM <http://www.islam.gov.my/e-hadith/658-tuntutlah-ilmu>
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2002). *Paradigma al-Imam al-Nawawi dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin*. (Master), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2013a). *Bootani, Zoologi dan Tenaga dari Perspektif al-Quran*. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2013b). *Geologi, Hidrologi, Oceanografi dan Astronomi dari Perspektif al-Quran*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2013c). *Sains Asas, Fizik, Kimia dan Geografi dari Perspektif al-Quran*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2016a). Al-Quran. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Edisi Pertama ed., pp. 134-135). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam [Malaysia] (AIES).
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2016b). Falah. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Edisi Pertama ed., pp. 29-30). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam [Malaysia] (AIES).

- Jasmi, Kamarul Azmi. (2016c). Ilmu. In Azmi Kamarul Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam*. Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam UTM & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam (Malaysia).
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018). *Pembangunan Insan Soleh Menurut Perspektif Imam al-Nawawi*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Selamat, 'Atiqah (2013). Al-Quran dan Fizik. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Sains Asas, Fizik, Kimia dan Geografi dari Perspektif al-Quran* (pp. 23-38). Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab. Halim. (2011). *Dasar Akidah Muslim*. Johor: Penerbit UTM Press.
- Jusoh, Yahaya, & Muhammad, Azhar. (2007). *Pendidikan Falsafah Sains Al-Quran*: Penerbit UTM Press.
- Kamus Dewan*. (2005). *Kamus Dewan* (Edisi Keempat ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Pelajar*. (Ed.) (2008). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Masruri, HM Hadi. (2012). Filsafat Sains dalam Al-Qur'an: Melacak Kerangka Dasar Integrasi Ilmu Dan Agama. *El-QUDWAH*.
- Muslim, A. Kadir. (2003). *Ilmu Islam Terapan*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Muslim, Abu al-Husayn. (t.th.). *Sahih Muslim* (Vol. 1-8). Beirut: Dar al-Fikr.
- Ujang, Zaini. (2009). *Menghayati Budaya Ilmu, Fahaman Ilmu, Amalan dan Panduan* (2nd Ed.). Selangor: Penerbit UTM.
- Yahaya, Mahayudin Haji (2012). Alam Semesta dan Bencana Alam dari Perspektif Agama dan Sains. *Journal of Human Development and Communication*, 1(2012), 71-85.

# 4

## SAINS ISLAM DAN HUKUM ALAM SATU PERBAHASAN

Sufaat Samuri  
Mohd Faiz A. Aziz  
Kamarul Azmi Jasmi

### Abstrak

*Zaman yang serba moden dan canggih tika ini, ilmu pengetahuan dan teknologi bergerak seiring dan mengalami perubahan yang sangat drastik. Manakala ilmu agama semakin dipinggirkan seolah-olah tiada kepentingan lagi. Hal ini terjadi disebabkan wujud percanggahan antara ilmu pengetahuan dan agama yang tidak diselesaikan dengan segera. Eksiklopedia dan filsafat Islam jelas menunjukkan bahawa Allah SWT mengutus Nabi Muhammad SAW untuk mengajak manusia menganuti agama Islam, berdakwah dan menyebarkannya ke seluruh dunia. Islam mengajar manusia mengenai undang-undang kehidupan dengan cara yang mudah difahami. Ciri yang membezakan Islam dengan agama yang lain adalah penekanan Islam terhadap ilmu (sains), cara hidup, hukum alam dan lain-lain. Al-Quran dan sunah mengajar manusia untuk mencari dan mendapatkan ilmu dan kearifan dalam pelbagai bidang, serta menempatkan orang yang berpengetahuan pada darjat yang tinggi. Jadi jelas menunjukkan bahawa ilmu itu sangat penting dan apa yang disampaikan melalui ayat al-Quran dan hadis tentang ilmu ini bersifat umum sama ada ilmu yang dicari bermanfaat atau sebaliknya. Ilmu yang bermanfaat adalah ilmu yang mendekatkan manusia dengan pencipta dalam bentuk pengabdian manusia kepada-Nya.*

**Kata kunci:** *Sains Islam, hukum alam, tabie*

### PENGENALAN

Artikel ini membahaskan tentang sains Islam dan hukum alam serta perbezaan kedua-duanya. Selain itu, penerangan lanjut mengenai sains Islam akan dipecahkan beberapa subtajuk seperti hubungan sains dengan al-Quran, tafsiran sains, agama Islam, sejarah sains Islam, dan zaman

kejatuhan. Manakala penjelasan ringkas bagi hukum alam akan mengandungi subtajuk hukum yang sempurna dan tanggungjawab manusia.

Kupasan penulis terhadap sains Islam dan hukum alam dapat dirumuskan dalam kesimpulan. Keseluruhannya perbahasan ini mengikut pandangan peribadi penulis berpandukan sumber yang boleh dipercayai kesahihannya, fakta yang benar dan tanpa dipengaruhi mana-mana ideologi. Jika terdapat ketirisan kenyataan mahupun kesilapan ayat, ianya adalah kekhilafan yang tidak disengajakan.

## SAINS ISLAM

Ilmu dan agama mempunyai hubungan sejarah yang sangat intim serta saling berkaitan sehingga melangkaui pemikiran di luar kotak yang tidak boleh diterima akal manusia. Ilmu mencakupi pelbagai bidang dan tidak terbatas sempadannya sama ada tersirat mahupun tersurat. Agama bertindak sebagai buku panduan manual untuk manusia dalam menentukan cara hidup sebelum, semasa dan akan datang dengan menggunakan ilmu yang diperoleh. Hadis dari sumber kitab Riyadhus Salihin daripada Abu Hurairah RA bahawasanya Rasulullah SAW bersabda (Al-Bukhari, 2001: 1/24; Muslim, A. a.-H., t.th.: 2699):

مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَطْلُبُ بِهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ

Maksud: *Sesiapa yang menempuh satu jalan untuk mencari ilmu pengetahuan, maka Allah SWT memudahkan baginya satu jalan untuk menuju ke syurga*”

(Muslim)

Huraian hadis bermaksud orang yang menuntut ilmu akan mendapat kemudahan dan pertolongan ganjaran syurga di akhirat kelak (JAKIM, 2016). Orang yang berilmu pengetahuan mempunyai kelebihan tertentu kerana mereka dapat memberi petunjuk kepada kebaikan dan membezakan yang hak dengan yang batil. Orang yang menuntut ilmu juga dapat memberi faedah kebaikan kepada dirinya, masyarakat dan Negara (Jasmi, 2016c; Muslim, A. K., 2003; Ujang, 2009).

Hal ini membuktikan manusia menuntut ilmu dan pada masa yang sama mendalami agama bagi menjalani kehidupan yang lebih baik serta mendapatkan keridaan Allah SWT. Tanpa ilmu dan agama, manusia akan terus ketinggalan, berada dalam keadaan sesat dan jauh menyimpang dari jalan kebenaran.

Perkara asas untuk mengenal sains perlu merujuk pada al-Quran dan hadis, tidak sama seperti dipelajari barat yang hanya memanipulasi umat Islam dengan diayah yang menggunakan logik akal dan fikiran manusia sahaja. Maka minda umat Islam terpesong dan orang yang beriman jika menghayati sains mengikut cara Islam bukan sahaja selamat di dunia tetapi di akhirat sama. Hal demikian kerana kandungan dalam al-Quran adalah senjata yang perlu dimiliki oleh manusia terutama umat Islam untuk meletakkan sains dan Islam satu jenama yang komprehensif. Hasil ciptaan menjadi lebih bermakna dalam kehidupan namun jika mengikut cara sains barat boleh terjerumus dalam kancap pembinaasaan kerana akal manusia terbatas. Oleh itu, hanya dengan rujukan dari al-Quran dan hadis manusia terselamat dari pembinaasaan ini (Jusoh & Muhammad, 2007).

### Hubungan Sains dengan al-Quran

Semua kejadian di alam semesta ini berlaku dari sekecil-kecilnya kejadian sel atom dan sebesar-besarnya terbentuk jagat raya adalah atas ketentuan dan keizinan Yang Maha Esa. Hanya Allah SWT sahaja yang mengetahui bagaimana dan mengapa kejadian itu berlaku. Jika dilihat dengan mata kasar, sesuatu kejadian berlaku terjadi dengan sendirinya dan manusia mengaitkan kejadian tersebut dengan hukum alam. Namun sebenarnya hukum alam itu diciptakan Allah SWT Yang Maha Berkuasa untuk mengawal alam semesta dan para malaikat yang bertugas menjalankannya.

Secara zahirnya, sesuatu perkara atau senario yang terjadi boleh dibuktikan dengan ilmiah dan didokong dengan fakta yang benar. Kejadian hujan diambil sebagai contoh, jika dibayangkan kelihatan seperti awan yang berkumpul dan bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain seterusnya terjadinya hujan di tempat itu. Hukum alam menyatakan sebaliknya, sesungguhnya para malaikat mengiringi awan dengan menggerakkan angin dan para malaikat juga yang mengaturnya sehingga menjadi hujan dengan keizinan Allah SWT (Din, 2001). Allah SWT berfirman:

وَالسَّيِّحَاتِ سَبَّحًا ﴿٣﴾ فَالسَّيِّقَاتِ سَبَقًا ﴿٤﴾ فَالْمُدَبِّرَاتِ أَمْرًا ﴿٥﴾

Maksud: *Dan demi (makhluk) yang cergas bergerak (menerima perintah) dengan gerak yang secergas-cergasnya; Lalu masing-masing berlumbalumba dahulu-mendahului (menjalankan tugasnya) dengan cara yang sesungguhnya-sungguhnya; Serta menyempurnakan tadbir urusan alam yang diperintahkan kepadanya; (sumpah demi sumpah, sesungguhnya kamu akan dibangkitkan hidup semula pada hari kiamat)!*

(Surah *al-Nazi'at*, 79:3-5)

Firman Allah SWT ini mengukuhkan kenyataan hukum alam mengenai perihal senario hujan tersebut. Manusia dapat meramalkan perkara yang akan terjadi apabila mengetahui asbab dari suatu peristiwa berdasarkan kepastian hukum alam. Manusia juga dapat menyimpulkan punca yang melahirkan kejadian itu apabila menghadapinya. Allah SWT membenarkan hukum alam ini memberi kekuasaan kepada manusia supaya mampu mengendalikan dan menggunakan undang-undang sendiri yang dibentuk berlandaskan ilmu dan agama.

Pengetahuan mengenai sains banyak disebutkan dalam kitab suci al-Quran, sebanyak 750 ayat atau lebih kurang 1/8 daripada jumlah ayat dalam al-Quran menyentuh perkara yang berlaku di alam semesta ini yang menjadi faktor kepada kajian sains (Jasmi, 2013a, 2013b, 2013c). Oleh demikian, lahirilah ramai tokoh saintis Muslim yang terkenal antaranya *al-Khayyam*, *Ibn Sina*, *al-Biruni*, *Abu al-Wafa'*, *al-Mas'udi*, *al-Razi*, *al-Khawarizmi* dan *al-Jabar*. Mereka berasal dari pelbagai bangsa seperti Afghan, Arab, Parsi dan Turki.

Allah SWT menurunkan al-Quran kepada Nabi Muhammad SAW untuk memberitahu kepada semua makhluk di muka bumi ini barang siapa yang beriman dan bertakwa wajib untuk mempercayai apa yang ditulis dalam al-Quran, seperti istilah "*Amin Abdullah taken for granted*". Segala kebenaran dan ilmu yang berada dalam al-Quran adalah benar dan tidak perlu diuji seperti istilah dari *Karl R. Poper, Untestable Trust* (Muslim, A. K., 2003).

Kitab suci ini bertujuan untuk manusia memahami segala apa yang berlaku di muka bumi ini dan menjelaskan sesuatu kejadian. Selain itu, kitab suci juga menerangkan tiada sesuatu di dunia ini berlaku secara kebetulan. Semua berlaku dengan cara yang tersendiri mengikut paksi yang ditetapkan oleh pencipta (Jasmi, 2016a). Maka jika manusia mengamalkan ilmu yang terdapat dalam kitab suci al-Quran ini, kehidupannya di dunia juga di akhirat tidak akan menjadi sia-sia dan mendapat banyak manfaat dalam diri (Jasmi, 2002, 2016b, 2018).

Sehubungan itu, Gibb mengatakan "*Islam is more a system of theology. It's complete civilization*" (Gibb, 1932). Ungkapan yang dimaksudkan oleh Gibb ini mengatakan istilah 'Islam' dapat digunakan dalam tiga pengertian. Islam merupakan sebuah agama juga asas kepada sains (identik dengan teologi dalam terminologi sains barat), kemudian menjadi hukum pada alam dan akhirnya pada budaya.

Bagi seseorang yang beriman menjadikan kitab suci al-Quran sebagai petunjuk dan sumber untuk mencari maklumat di dunia ini tanpa keraguan dan tanpa was-was. Al-Quran juga banyak menggunakan prakata seperti 'huda' dan pelbagai variasinya seperti hada, ahda, tahdu, tahdi, yahdu, yahdana, tahtadana, ihtada, hadin, huda, mudtadan dan muhtadin.

Perkataan ini banyak kali disebut dalam al-Quran dan berulang-ulang tidak kurang dari 318 kali (Danusiri, 2015). Maka benarlah al-Quran ini adalah petunjuk untuk manusia yang beriman, mengikutinya manusia mendapat kebenaran dan perolehi keuntungan berlipat ganda. Jika sebaliknya, manusia menempuh jalan yang samar dan merugikan diri akibat tidak mengikuti asas-asas yang ditunjukkan dalam kitab suci ini.

### **Tafsiran Sains**

Sains adalah antara salah satu cabang ilmu yang sangat luas serta diaplikasikan dalam kehidupan manusia sama ada memudahkan urusan rutin harian atau menyelesaikan suatu permasalahan dan sebagainya. Definisi sains boleh ditafsirkan sebagai ilmu pengetahuan yang teratur dan dapat dibuktikan kebenarannya. Cabang ilmu pengetahuan yang berdasarkan kenyataan semata-mata seperti kimia dan fizik. Sosial cabang ilmu mengenai masyarakat yang merangkum bidang ekonomi, politik, psikologi, antropologi dan sebagainya (*Kamus Pelajar*, 2008).

Definisi ini disokong dan diperkuatkan lagi dengan termaktubnya dalam sumber yang lain namun membawa maksud yang sama, iaitu ilmu pengetahuan yang teratur (sistematik) yang boleh diuji atau dibuktikan kebenarannya. Cabang ilmu pengetahuan yang berdasarkan kebenaran atau kenyataan semata-mata seperti fizik, kimia, biologi dan lain-lain (*Kamus Dewan*, 2005).

Sains merupakan ilmu pengetahuan bagi mengkaji sesuatu fenomena alam dengan menggunakan kaedah ilmiah. Sains mempunyai beberapa ciri, iaitu sains yang nyata di mana perkara berkaitan sains ini dapat dilihat dan dipegang oleh panca indera seperti cecair, gas dan lain-lain. Manakala sains yang tidak nyata seperti virus, bakteria dan sebagainya memerlukan bantuan mikroskop atau medium ujikaji. Sains yang bersifat universal pula boleh dilakukan tidak mengira siapa, tempat dan masa kerana pada hasil akhirnya adalah sama.

Perkataan sains diambil dari perkataan Inggeris, iaitu '*science*'. Sains juga bermaksud pengetahuan dalam perkataan latin '*scientia*'. Pengetahuan yang mempunyai unsur, tanda khas dan juga isyarat yang tertentu adalah terminologi bagi sains. *English oxford dictionary* (1998) juga mentakrifkan sains sebagai 'sesuatu kumpulan yang mengkaji sesuatu unsur untuk mendapatkan bukti dengan fakta lengkap yang ditinjau secara bersistem dan dihimpunkan dalam bentuk hukum umum.

Sains juga boleh dikatakan mencari sebuah kebenaran dengan kaedah tertentu yang rasional dan boleh diguna pakai supaya kebenaran yang dicari mestilah mempunyai fakta yang kukuh dan benar (Jusoh & Muhammad, 2007).

## Agama Islam

Islam ialah agama atau kepercayaan orang yang menganutinya yang boleh diandaikan sebagai undang-undang atau peraturan bagi manusia untuk menjalankan kehidupan di dunia yang sementara ini (Jasmi & Tamuri, 2011). Dua kalimah syahadah yang perlu dilafazkan dengan jelas secara ikhlas tanpa paksaan sudah cukup untuk membuktikan Islam adalah agama yang suci dan mudah difaham oleh sesiapa sahaja. Seseorang itu percaya dengan yakin bahawa tiada tuhan yang disembah melainkan Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW itu pesuruh-Nya (Basiran et al., 2012).

Syahadah rukun pertama dalam rukun Islam. Selain itu, solat lima waktu, membayar zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan dan menunaikan fardu haji bagi yang berkemampuan mengikut syarak. Enam rukun iman yang perlu dipasak dengan utuh dalam hati seorang yang beragama Islam; percaya kepada Allah SWT, percaya kepada Malaikat, percaya kepada Kitab, percaya kepada para Rasul, percaya pada Hari Kiamat dan percaya kepada Qada' dan Qadar.

## Sejarah Sains Islam

Perkembangan awal sains dalam Islam memang tidak boleh dipisahkan daripada sejarah dakwah Islam. Beberapa faktor mendorong kemajuan sains yang berkembang pesat seiring dengan penyebaran ajaran Islam yang meluas. Antaranya, sikap yang teguh dalam memahami sains dan pada masa yang sama mengamalkan tuntutan Islam. Kewujudan serta penerimaan motivasi atau dakwah agama yang memenuhi setiap anjakan paradigma sosial, politik dan ekonomi. Tambahan pula terbinanya gedung ilmu yang megah dan pusat rawatan yang serba lengkap sekaligus membuka mata cendekiawan Barat.

Penelitian yang sangat baik dan keinginan menyelidik secara ilmiah diterap sebagai sifat yang utama dalam peradaban Islam. Hal ini kerana Islam membentuk mekanisma sains tersendiri yang objektif dalam pandangan hidup Islam serta menggalakkan umatnya untuk sentiasa mencari ilmu. Satu hadis menjelaskan (Al-Bayhaqi, 2003a: 325; 2003b: 1543; Al-Bazzar, 2009: 95):

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: "اطْلُبُوا الْعِلْمَ  
وَلَوْ بِالصَّيْنِ، فَإِنَّ طَلَبَ الْعِلْمِ فَرِيضَةٌ عَلَى كُلِّ مُسْلِمٍ."

Maksud: *Anas bin Malik RA berkata, "Rasulullah SAW bersabda: "Tuntutlah ilmu sampai ke negeri China. Hal ini kerana berlajar ilmu itu fardu kepada setiap Muslim."*

(Al-Bayhaqi dan al-Bazzar)

Sabdaan Rasulullah SAW ini menunjukkan Islam amat menyokong umatnya untuk menggali ilmu di bumi Allah SWT yang Maha Luas ini sebaik-baiknya tanpa ‘membelakangkan’ al-Quran dan hadis. Islam juga tidak pernah menghalang umatnya untuk maju ke hadapan waima perlu menghadapi kejutan budaya yang drastik dan moden.

Sains dalam Islam memiliki corak dan karakter yang berbeda jika dibandingkan dengan peradaban masyarakat dunia yang lain seperti Kristian, Buddha, Hindu, dan lain-lain. Unik pilihan perkataan yang sesuai bagi menggambarkan hasil karya seni dan budaya dalam Islam bahkan teknologi sainsnya tidak hanya wujud dari dunia fantasi semata-mata tetapi berpijak di bumi yang nyata atas kekuasaan dan keizinan Yang Maha Esa sebagai pencipta.

Walau bagaimanapun, bukan setiap perkara yang berlaku boleh dibuktikan dengan kajian dan penyelidikan sains untuk menepati logik akal fikiran manusia, akan tetapi ada tujuan, syafaat dan hikmah di sebalik segala kejadian kerana Allah SWT Maha Mengetahui. Firman-Nya:

أَوَلَيْسَ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ بِقَدِيرٍ عَلَىٰ أَنْ يَخْلُقَ  
 مِثْلَهُمْ بَلَىٰ وَهُوَ الْخَلَّاقُ الْعَلِيمُ ﴿٨١﴾ إِنَّمَا أَمْرُهُ إِذَا أَرَادَ  
 شَيْئًا أَنْ يَقُولَ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ ﴿٨٢﴾ فَسُبْحَانَ الَّذِي يَبْدِئُ  
 الْمَلَكُوتَ كُلَّ شَيْءٍ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٨٣﴾

Maksud: *Tidakkah diakui dan tidakkah dipercayai bahawa Tuhan yang menciptakan langit dan bumi (yang demikian besarnya) - berkuasa menciptakan semula manusia sebagaimana Ia menciptakan mereka dahulu? Ya! Diakui dan dipercayai berkuasa! Dan Dia lah Pencipta yang tidak ada bandingan-Nya, lagi Yang Maha Mengetahui. Sesungguhnya keadaan kekuasaan-Nya apabila Ia menghendaki adanya sesuatu, hanyalah Ia berfirman kepada (hakikat) benda itu: "Jadilah engkau!". Maka ia terus menjadi. Oleh itu akuilah kesucian Allah SWT (dengan mengucap: "SubhaanAllah SWT!) - Tuhan yang memiliki dan menguasai tiap-tiap sesuatu, dan kepada-Nyalah kamu semua dikembalikan."*

(Surah Yasin, 36:81-83)

Sains merupakan sumber yang diperolehi dengan ilmu dan ilmu yang dicari mestilah berpandukan al-Quran dan hadis tetapi dari sisipan sains barat ilmu sains dan al-Quran perlu dipisahkan dan hanya menggunakan

akal fikiran dan logik manusia sahaja. Walaupun dari segi pandangan barat dan ilmu Islam ini mendapat persamaan tetapi terdapat banyak masalah antara sains Islam dan sains barat baik dari segi fundamental, dari segi interpretasi, definisi, sumber, metode, ruang lingkup, klarifikasi dan tujuan. Tafsiran mencari ilmu dalam al-Quran adalah tauhid (Masruri, 2012). Allah SWT berfirman:

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ① خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ② اقْرَأْ وَرَبُّكَ  
الْأَكْرَمُ ③ الَّذِي عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ④ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ⑤

Maksud: *Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk), Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku; Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, - Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan, - Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya.*

(Surah *al-'Alaq*, 96:1-5)

Ayat ini menjelaskan tentang sains penciptaan manusia yang menggambarkan ciptaan tersebut adalah datang daripada Allah SWT yang Maha Berkuasa.

### Zaman Kejatuhan

Perubahan arus perdana dalam era globalisasi ini menenggelamkan zaman kegemilangan sejarah sains Islam dan seterusnya dipelopori barat yang cuba mengubah atau mencipta sejarah baharu. Selain itu, mereka juga mengeksploitasi segala sumber ilmu serta khazanah Islam demi kepentingan sesuatu pihak dan mengambil kesempatan untuk menyeleweng hak cipta Islam itu sendiri. Pelbagai masalah dirancang dan diwujudkan untuk mengaburi mata manusia sehingga jenama Islam kini dipandang hina seolah-olah Islam menggugat kestabilan keamanan dunia sejangat.

Pengaruh media massa, politik, ekonomi dan sosial yang dikawal oleh musuh Islam mengakibatkan kemerosotan sains Islam dalam sesebuah negara. Umat Islam menjadi mangsa perang saudara, dilabelkan sebagai penganas serta hak asasi manusia dinafikan walhal semua agama berada dalam rumpun yang sama.

Oleh itu, umat Islam perlu sedar dan muhasabah diri seterusnya bangkit dari kegagalan supaya agama Islam tidak lagi diperlakukan sedemikian rupa. Al-Quran dan hadis dijadikan sebagai benteng pertahanan dalam kehidupan setiap umat Islam di dunia bagi menjamin masa depan yang lebih baik.

## HUKUM ALAM

Hukum mempunyai banyak tafsiran dan salah satunya adalah ketentuan (kaedah, kepastian, ketetapan) mengenai sesuatu peristiwa atau kejadian (alam dan lain-lain) (Anonymous). Manakala alam didefinisikan sebagai bumi dan segala yang terdapat di permukaannya, segala yang ada di langit dan di bumi (Anonymous). Namun gabungan dua perkataan ini, hukum alam membawa maksud hal yang ditentukan oleh keadaan alam.

### Definisi Hukum dalam Islam

Pengertian hukum dari segi Usul Fiqh dalam terjemahannya ialah kalam Allah SWT yang ditujukan kepada orang mukalaf yang berhubung dengan perbuatan mereka sama ada menuntut atau pilihan (Din, 2001). Tambahan itu, hukum juga boleh dihuraikan sebagai cara atau norma manusia khususnya seorang Muslim melakukan sesuatu perbuatan mengikut peraturan yang Allah SWT tetapkan. Dua aspek yang dijadikan sumber hukum, iaitu kitab suci dari Allah SWT dan akal fikiran manusia.

Penentuan hukum bergantung pada bagaimana, bila, di mana, mengapa dan siapa seseorang itu melakukannya. Tidak mengira usia, tua atau muda, miskin atau kaya, baik atau sebaliknya dan lain-lain selagi tidak terikat dengan masa (waktu) dan tempat (ruang). Undang-undang yang menentukan hukum berlandaskan kitab suci al-Quran adalah bersifat mutlak kerana al-Quran merupakan wahyu untuk semua, serba lengkap dan tidak ada kecualinya. Manakala undang-undang yang membuat keputusan sesuatu hukum bersandarkan akal fikiran manusia adalah terhad. Akal yang dikurniakan dibatasi dengan pengetahuan, pengalaman, keadaan, kepentingan dan kehendak nafsu semata-mata.

Contoh mudah yang boleh dijadikan panduan dan teladan, masyarakat Malaysia yang mempunyai pelbagai komuniti yang berbilang bangsa dan agama. Komuniti Melayu yang beragama Islam berkehendak hukum hudud patut dilaksanakan dengan segera kerana hudud adalah hukum Allah SWT. Berbeza pula bagi pandangan komuniti Cina, hudud ini menyusahkan dan menakutkan pihaknya waima hukum ini tidak terpakai terhadap komuniti tersebut. Oleh demikian, situasi ini menggambarkan satu kelompok menganggap isu ini perkara yang baik walhal perkara yang sebaliknya bagi pandangan kelompok yang lain.

Manusia sentiasa melakukan kesalahan dan dari kesilapan tersebut manusia perbaiki serta tidak mengulanginya untuk mendapatkan sesuatu yang lebih baik. Hukuman yang diterima sama ada secara langsung atau kemudian hari membuatkan manusia berubah menjadi orang yang beriman kepada Allah SWT atau orang yang lalai lagi menyesatkan.

Pilihan itu pasti berada dalam genggaman namun pilihan yang mana menambat hati manusia itu sendiri.

### Hukum yang Sempurna

Hukum alam melambangkan kebesaran Allah SWT di atas segala kejadian yang berlaku di muka bumi ini, ditujukan kepada semua makhluk ciptaanNya khususnya manusia. Selain dari itu, terdapat juga hukum agama atau erti kata yang lain hukum fikah dalam Islam. Berbanding dengan hukum alam, hukum fikah ini lebih mudah difahami kerana dalam al-Quran jelas dinyatakan dalam ayat Muhkamat, iaitu hukum ibadat, mu'amalat, munakahat, dan jinayat. Sifat hukum alam yang kurang jelas memerlukan penyelidikan, kajian serta pemahaman yang lebih teliti serta mendalam yang terdapat dalam ayat kauniyat atau mutasyabihat. Misalnya hukum alam tabii yang mempunyai kesinambungan dengan ilmu matematik, astronomi, dan sains fizik (Jasmi, 2013b, 2013c; Jasmi & Selamat, 2013).

Hukum alam tabii merupakan undang-undang dan peraturan Allah SWT yang bersifat mutlak, tetap dan tidak akan berubah sama sekali. Cuma fizikal, mental atau kerohanian manusia dan alam yang berubah walhal sistem hidup manusia atau hukum dan alam tabii, haiwan serta tumbuhan itu sendiri tetap tidak berubah. Contoh yang boleh digambarkan situasi ini sama seperti gasing yang berpusing sedangkan kedudukan paksinya berada dalam keadaan kekal di tempatnya. Begitu juga dengan kehidupan dan hukum alam bertindak sebagai paksi yang mengawal aturan hidup manusia dan alam dengan segala keperluan dan kepentingan kedua-duanya.

Setiap perkembangan dan perubahan yang terjadi ke atas diri manusia dan alam perlu disesuaikan dengan peraturan dan hukum Yang Maha Esa yang sudah ditentukan-Nya sejak azali lagi. Allah SWT menentukan peraturan dan hukum alam ini sempurna dan lengkap serta seimbang yakni tidak keterlaluan dan tidak juga berlaku pertembungan atau pertindihan antara peraturan dan hukumNya. Kedua-duanya tersusun rapi dan sesuai untuk kehidupan manusia dari awal mula hingga ke hujung akhirnya. Firman Allah SWT,

الَّذِي خَلَقَ سَبْعَ سَمَوَاتٍ طِبَاقًا مَا تَرَى فِي خَلْقِ الرَّحْمَنِ مِنْ تَفَوتٍ  
فَارْجِعِ الْبَصَرَ هَلْ تَرَى مِنْ فُطُورٍ ﴿٣﴾

Maksud: *Yang menciptakan tujuh petala langit berlapis-lapis. Kamu sekali-kali tidak melihat pada ciptaan Tuhan Yang Maha Pemurah sesuatu yang tidak seimbang. Kerana itu lihatlah berulang-ulang, adakah kamu lihat sesuatu yang tidak seimbang?*

(Surah *al-Mulk*, 67:3)

Hubungan alam dan kehidupan dengan Allah SWT adalah efektif dan positif. Hal ini kerana sifat Yang Maha Agung tidak ada langsung yang negatif sebagaimana tasawur kaum kafir Parsi berpegang bahawa Tuhan itu ada Tuhan yang baik (cahaya) dan ada Tuhan yang jahat (gelap). Demikian pula tasawur kaum Yunani yang menyatakan Tuhan tidak mengetahui selain dirinya, malahan berkata Tuhan tidak bersifat kerana hanya manusia yang mempunyai ciri tersebut dan Tuhan bukan manusia. Namun, bagi golongan materialis percaya dan mendakwa Tuhan itu tiada. Semua pegangan ini sangatlah kabur dan sesat dalam kepercayaan agama masing-masing.

Islam berijtihad Allah SWT mempunyai sifat dan zat, zat itu adalah diri-Nya dan sifat itu adalah *Basir* (Melihat), *Sami'* (Mendengar), *Murid* (Berkehendak), *'Alim* (Mengetahui), *Qadir* (Yang Berkuasa), *Khaliq* (Yang Menjadikan) dan selebihnya dalam 99 nama-nama Allah SWT yang tiada tandingannya (Jasmi & Tamuri, 2011). Oleh sebab itu terjalannya hubungan antara alam dan kehidupan dengan Allah SWT secara berterusan.

### **Tanggungjawab Manusia**

Hukum alam tidak ada sebarang cacat cela walau sekecil zarah pun bersesuaian dengan kehidupan manusia, binatang, tumbuhan dan benda. Manusia dimaklumkan mengenainya melalui ayat kauniyat (*mutashabihat*) yang menerangkan tanda kebesaran dan kekuasaan Allah SWT tentang peraturan dan hukum alam ini. Malangnya, manusia yang menggelarkan dirinya saintis masih belum dapat memahami kerana ilmu yang dimiliki oleh mereka sangat terhad dan kadang kala bertentangan dengan ilmu (hukum) Allah SWT. Oleh demikian, maka terjadilah bencana alam yang tidak lansung dijangkakan sebagai hukuman kepada mereka yang kufur nikmat.

Manusia bertanggungjawab memelihara keamanan, kesejateraan, keselamatan, dan kemakmuran bumi kerana tugas ini syariat Allah SWT yang diamanahkan kepada manusia sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi ini. Tiada makhluk lain yang boleh mentadbir, menentukan kedudukan dan keadaan alam (dan juga di akhirat) melainkan manusia sendiri bertepatan dengan ayat-ayat dalam al-Quran.

لَهُ وَمُعَقَّبَتٌ مِّنْ بَيْنِ يَدَيْهِ وَمِنْ خَلْفِهِ يَحْفَظُونَهُ مِنْ أَمْرِ  
 اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ ۗ وَإِذَا أَرَادَ  
 اللَّهُ بِقَوْمٍ سُوءَ أَفْلٍ مَّرَدًّا ۖ وَمَا لَهُمْ مِنْ دُونِهِ مِنْ وَالٍ ﴿١١﴾

Maksud: Bagi tiap-tiap seorang ada malaikat penjaganya silih berganti dari hadapannya dan dari belakangnya, yang mengawasi dan menjaganya (dari sesuatu bahaya) dengan perintah Allah SWT. Sesungguhnya Allah SWT tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila Allah SWT menghendaki untuk menimpakan kepada sesuatu kaum bala bencana (disebabkan kesalahan mereka sendiri), maka tiada sesiapa pun yang dapat menolak atau menahan apa yang ditetapkan-Nya itu, dan tidak ada sesiapa pun yang dapat menolong dan melindungi mereka selain daripada-Nya.

(Surah *al-Ra'd*, 13:11)

Ayat dalam al-Quran mahupun hadis, tidak terdapat sebarang percanggahan antara kebebasan manusia dengan kehendak Yang Maha Bijaksana. Walaupun begitu, masih juga ada yang meraguinya dan cuba untuk menimbulkan perselisihan faham dalam kalangan tokoh falsafah dan ilmuan Islam. Perselisihan faham antara Mu'tazilah dan Asy'ariah diambil sebagai contoh, isu ini berpunca pemahaman yang berlainan tentang alam tabii dan hubungannya dengan Tuhan dan manusia (Yahaya, 2012). Puak Mu'tazilah menggunakan logik akal fikiran sementara puak Asy'ariah berlandaskan nas al-Quran dan hadis sewaktu berdebat keduanya. Perbalahan ini tercetus apabila ada kes yang dikaitkan dengan masalah bencana alam dengan takdir (Qada' dan Qadar).

### **Kifarah daripada Allah**

Setiap perbuatan manusia pasti ada balasannya walaupun sebesar saiz zarah, sama ada baik atau buruk tetap dipaparkan pada zaman kerajaan akhirat nanti. Justeru manusia wajib mengabdikan diri serta beriman kepada Allah SWT Yang Maha Agung lagi Maha Berkuasa supaya perjalanan menuju ke titian sirat dipermudahkan. Namun Allah SWT sangat sayang kepada hamba-Nya dengan memberi sedikit peringatan kepada manusia melalui kifarah di atas dunia ini.

Kifarah dalam Islam merujuk pada balasan Allah SWT kepada seluruh makhluk-Nya termasuk manusia, jin, haiwan, tumbuhan dan

benda yang bernyawa akibat perlakuan dosa yang dilakukan. Kifarah boleh diterima dalam pelbagai bentuk dan keadaan bergantung pada ketentuan dan keizinan Tuhan yang Esa seperti musibah, bencana alam, penyakit, kemalangan, cuaca panas terik dan sebagainya. Manusia perlu berfikiran positif dan menerimanya dengan reda di samping berusaha memperbaiki kelemahan yang ada kerana setiap kifarah yang berlaku adalah penghapus dosa-dosa kecil.

Tanda kifarah boleh diterjemahkan dalam senario yang berlainan dan maksud yang tersendiri. Menurut Islam melalui kalendar sebagai contoh, bulan Jamadil Awal adalah bulan kelima dan manakala Jamadil Akhir pula bulan keenam. Definisi Jamadil Awal dari segi bahasa ialah kering atau beku dan dinamakan bulan pertama musim panas kerana tanah mengalami kekeringan air atau air menjadi beku. Jamadil akhir pula ditakrifkan sebagai pengakhiran musim panas kerana tanah akan mengalami kekeringan air yang lebih tinggi berbanding sebelum ini dalam erti kata lain kering kontang (*Harian*, 2014).

## RUMUSAN

Pengertian sains Islam dan hukum alam dalam satu perbahasan boleh dikatakan sebagai *profesionalisme* atau kompetensi dalam satu keilmuan yang bersifat duniawi pada bidang tertentu tetapi ia mesti bersandarkan ketuhanan. Kesedaran ketuhanan tersebut akan muncul dengan adanya pengetahuan dasar tentang ilmu Islam. Oleh sebab itu, ilmu Islam dan keperibadian merupakan dua aspek penting yang saling menopang satu sama lain dan bersama-sama hukum alam bagi pengembangan sains dan teknologi. Maka dengan ini bias disimpulkan perbahasan hukum alam dan berpandukan ilmu sains Islam ini maka melahirkan keperibadian Islam.

Rumusan tentang sains Islam dan hukum alam diharapkan pembelajaran yang dilaksanakan menjadi lebih mudah difahami dan lebih bermakna. Pendedahan tentang sains Islam dan hukum alam dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P), manusia dapat memahami, menghayati, mengimani, bertakwa dan berakhlak mulia melalui al-Quran dan hadis. Tambahan pula, kegiatan bimbingan pengajaran, latihan serta perkongsian pengalaman juga dapat diterapkan dengan lebih optimum.

Selain memberi panduan hidup kepada manusia agar menjadi manusia yang bertakwa, al-Quran juga dapat memberi informasi ilmiah mengenai hukum alam dengan lebih mendalam. Walau bagaimanapun, kandungan dalam al-Quran boleh menjadi asas segala maklumat penting dan mendorong umat Islam untuk belajar, mengkaji dan menganalisa alam ciptaan Allah SWT ini.

## RUJUKAN

- Al-Bayhaqi, Ahmad. (2003a). *Al-Sunan al-Kubra* (Muhammad ‘Abd al-Qadir ‘Ata Ed.). Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Bayhaqi, Ahmad. (2003b). *Sha‘b al-Iman* (‘Abd al-‘Ali ‘Abd al-Hamid Hamid Ed. Vol. 1-14). Riyad: Maktabah al-Rushd li al-Nashr wa al-Tauzi‘.
- Al-Bazzar, Ahmad. (2009). *Musnad al-Bazzar* (Mahfuz al-Rahman Zain Allah, Sa‘ad, ‘Adil, & Sabri al-Shafi‘i ‘Abd al-Khaliq Ed. Vol. 1-18). Al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-‘Ulum wa al-Hikam.
- Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad. (2001). *Al-Jami‘ al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari* (Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir Ed. Vol. 1-9). Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Basiran, Nur Amirah, Mohd Saberi, Nur Syazana, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012, 21 April 2012). *Ajaran dan Kepercayaan Agama Islam*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Tamadun 2012, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Danusiri, Danusiri. (2015). Islam: Membentuk Sains dan Teknologi. *Jurnal Theologia*, 26(1), 31.
- Dictionary, Oxford*. (1998). *Oxford Dictionary*. London: Oxford University Press.
- Din, Haron (2001). *Manusia dan Islam* (Vol. Jilid Dua). Percetakan Dewan Bahasa dan Pustaka: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Gibb, H.A.R. (1932). *Whither Islam? A Survey of Modern Movement in the Moslem World*. London: Victor Gollanz Ltd.
- Harian, Sinar*. (2014, 21 Mac 2014). Kifarah daripada Allah, Suratkhobar. *Sinar Harian*.
- JAKIM. (2016). Koleksi Hadis-Tuntutlah Ilmu. Retrieved 19 Julai 2018, from JAKIM <http://www.islam.gov.my/e-hadith/658-tuntutlah-ilmu>
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2002). *Paradigma al-Imam al-Nawawi dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin*. (Master), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2013a). *Botani, Zoologi dan Tenaga dari Perspektif al-Quran*. Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2013b). *Geologi, Hidrologi, Oceanografi dan Astronomi dari Perspektif al-Quran*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2013c). *Sains Asas, Fizik, Kimia dan Geografi dari Perspektif al-Quran*. Skudai, Johor Bahru: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2016a). Al-Quran. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Edisi Pertama ed., pp. 134-135). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam [Malaysia] (AIES).
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2016b). Falah. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Edisi Pertama ed., pp. 29-30). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam [Malaysia] (AIES).

- Jasmi, Kamarul Azmi. (2016c). Ilmu. In Azmi Kamarul Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam*. Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam UTM & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam (Malaysia).
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018). *Pembangunan Insan Soleh Menurut Perspektif Imam al-Nawawi*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Selamat, 'Atiqah (2013). Al-Quran dan Fizik. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Sains Asas, Fizik, Kimia dan Geografi dari Perspektif al-Quran* (pp. 23-38). Skudai, Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab. Halim. (2011). *Dasar Akidah Muslim*. Johor: Penerbit UTM Press.
- Jusoh, Yahaya, & Muhammad, Azhar. (2007). *Pendidikan Falsafah Sains Al-Quran*: Penerbit UTM Press.
- Kamus Dewan*. (2005). *Kamus Dewan* (Edisi Keempat ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Pelajar*. (Ed.) (2008). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Masruri, HM Hadi. (2012). Filsafat Sains Dalam Al-Qur'an: Melacak Kerangka Dasar Integrasi Ilmu Dan Agama. *EL-QUDWAH*.
- Muslim, A. Kadir. (2003). *Ilmu Islam Terapan*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Muslim, Abu al-Husayn. (t.th.). *Sahih Muslim* (Vol. 1-8). Beirut: Dar al-Fikr.
- Ujang, Zaini. (2009). *Menghayati Budaya Ilmu, Faham Ilmu, Amalan dan Panduan* (2nd Ed.). Selangor: Penerbit UTM.
- Yahaya, Mahayudin Haji (2012). Alam Semesta dan Bencana Alam dari Perspektif Agama dan Sains. *Journal of Human Development and Communication*, 1(2012), 71-85.

